



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2022

1. **18 OGOS 2022, PUTRAJAYA** - Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tahun 2022 akan diadakan **bermula pada 20 Ogos 2022 (Sabtu)**. Peringkat awal pertandingan akan dilaksanakan secara dalam talian manakala peringkat suku akhir, separuh akhir dan **pertandingan akhir pada 27 Ogos 2022 (Sabtu)** akan dilaksanakan secara fizikal di Universiti Malaysia Sabah (UMS) selaku tuan rumah pertandingan tahun ini.
2. Pertandingan debat ini merupakan satu pendekatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk memberi kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar kepada golongan muda terutamanya golongan mahasiswa dan mahasiswi. Ia juga menyediakan platform untuk mereka berkongsi dan menyuarakan buah fikiran berkenaan isu-isu kritikal alam sekitar ke arah mencapai matlamat dalam pembangunan modal insan. Tema kali ini adalah **“Krisis bumi: perubahan iklim, kehilangan biodiversiti, pencemaran dan buangan”**.
3. Sebanyak **28 IPT telah mengesahkan penyertaan** yang terdiri daripada IPT awam dan swasta, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Politeknik dari seluruh Malaysia. Peserta akan dinilai oleh juri pertandingan yang telah dilantik dan terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman luas dalam bidang perdebatan, pengetahuan berkaitan pengurusan alam sekitar dan bahasa dari JAS, Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

4. Penganjur utama pertandingan debat ini adalah JAS dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), MADUM dan DBP serta disokong oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan Yayasan Sabah selaku rakan strategik.
5. Orang awam dijemput untuk mengikuti pertandingan debat berprestij ini secara langsung melalui saluran media berikut iaitu:
 - i. Facebook JAS: <https://www.facebook.com/doe.gov.my>
 - ii. Youtube JAS: <https://www.youtube.com/user/JabatanAlamSekitar>

-TAMAT-

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar
Dikeluarkan pada 18 Ogos 2022